



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 ( 58 )

Tarikh: 14 Mei 2012

## SIARAN MEDIA

### PROJEK APARTMENT LI GARDEN 85% HAMPIR SIAP

Kepong, 14 Mei - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengadakan lawatan tapak projek perumahan swasta terbengkalai Apartment Li Garden pada pagi ini. Projek ini telah 85 % siap oleh pelikuidasi En. Subramaniam a/l A.V. Sankar dari Hals & Associates Sdn. Bhd. Pemulihan ini melibatkan Fasa 1 yang terdiri daripada 3 blok rumah pangsa kos rendah setinggi 16 tingkat setiap satu dan 12 unit lot kedai.

Projek ini dipulihkan **tanpa sebarang kos tambahan** daripada para pembeli walaupun harga pasaran bagi pemajuan seumpama ini telah naik. Usaha pemulihan projek ini secara tidak langsung telah membawa keuntungan ekonomi kepada para pembeli sedia ada. Harga seunit rumah pangsa Fasa 1 ini adalah RM42,000.00. Manakala Fasa 2 pula, pemulangan deposit telah diberikan kepada 8 orang pembeli di mana setiap orang mendapat RM16,000 (10% dari harga rumah). Deposit ini dipulangkan kerana projek Fasa 2 tidak diteruskan disebabkan jualan yang kurang memuaskan.

Status terkini kerja pemulihan yang telah dijalankan meliputi pembersihan tapak, memasang pagar bagi tujuan keselamatan, kerja strukur (membuka tingkap dan pintu sedia ada), kerja baikpulih paip dan pendawaian elektrik serta kerja mengecat dan baikpulih *handrail* tangga. Walaupun, kerja pemulihan telah dimulakan oleh pihak pelikuidasi pada tahun 2009 namun projek tersebut telah mengalami kelewatan kerana semasa berurusan dengan pihak tuan tanah salah seorang daripada tuan tanah telah meninggal dunia. Ini telah menyebabkan penangguhan dalam urusan pemulihan projek.

Projek ini adalah projek yang dimajukan oleh syarikat Gallant Acres Sdn. Bhd. dengan pemajuan di atas tanah seluas 2.11 ekar di Kepong, Kuala Lumpur di atas lot 58072-58273. Projek ini merupakan usahasama / JV di antara Kepong Development Sdn. Bhd. selaku tuan tanah dan Gallant Acres Sdn. Bhd. selaku pemaju projek yang ditandatangani bersama pada 30 Disember 1999. Pemajuan projek ini telah bermula pada tahun 2002 dan sepatutnya disiapkan pada tahun 2005. Projek ini telah terhenti pada tahun 2004 kerana pihak pemaju telah menghadapi masalah kewangan dan aliran tunai. Susulan daripada penggulangan syarikat Gallant Acres Sdn. Bhd pada 5 Mac 2008, Mahkamah telah melantik En. Subramaniam daripada tetuan Hals & Associates Sdn. Bhd. pada 7 April 2009 sebagai pelikuidasi projek bagi mengurus dan mentadbirkan hal ehwal syarikat tersebut.

Turut hadir di lawatan tapak ini ialah Ketua Setiausaha KPKT, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Kepong Development Sdn Bhd, Tetuan Hals & Associates dan Ketua Pusat Perkhidmatan Komuniti Kepong dan pegawai kanan Jabatan Perumahan Negara.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)